

KERAJAAN NEGERI SEMBILAN, institusi pemerintahan Negeri Sembilan. Rajanya memakai gelaran Yang Dipertuan Besar. Keturunan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan hari ini daripada Raja Lenggang yang memerintah Negeri Sembilan (1808–1824). Walau bagaimanapun, sebelum baginda, sudah ada beberapa orang raja yang memerintah Negeri Sembilan, misalnya, Raja Kasah, Raja Adil, Raja Melewar dan Raja Hitam. Mengikut sumber yang ada, Raja Kasah dan Raja Adil diturunkan dari takhta kerajaan kerana gagal memerintah dan memajukan adat sebagaimana dikehendaki Dato' yang menjemput mereka.


Orang Bugis yang bertapak di Selangor berjaya mengembangkan pengaruhnya di Johor. Mereka membantu Raja Sulaiman ibni Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV berperang dengan Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah (Raja Kecil). Sehubungan itu, Bugis juga berperang dengan Penghulu Linggi yang mendapat bantuan daripada Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah. Penghulu Linggi dikalahkan. Kemudiannya, Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah dikalahkan dan pada tahun 1722, Raja Sulaiman dilantik sebagai Sultan Johor dengan gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Berikutnya, Daeng Marewah dilantik sebagai Yamtuan Muda Johor, berkuasa dalam pentadbiran Johor.

Berkembangnya kuasa Bugis di Tanah Melayu, iaitu di Selangor, Johor dan Negeri Sembilan, khususnya Linggi, menimbulkan kebimbangan di kalangan penghulu di Negeri Sembilan. Pada ketika itu, Negeri Sembilan tidak mempunyai Raja atau Yang Dipertuan. Dengan usaha Penghulu Luak Rembau, keputusan dicapai daripada Penghulu Luak Jelebu dan Penghulu Luak Naning bagi mendapatkan seorang anak raja dari Minangkabau untuk dilantik sebagai pemerintah. Dengan itu, wakil yang terdiri daripada Dato' Panglima Bandan, Dato' Johan, Dato' Panglima Sultan, Dato' Laksamana, Dato' Panglima Raja dan Dato' Andatar dihantar ke Minangkabau. Dato' Panglima Bandot sebagai ketua rombongan.

Dalam pertemuan dengan Raja Alam Minangkabau,

SALASILAH YAMTUAN NEGERI SEMBILAN

Sumber: Buyong Adil, 1981. *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



NOTA
X : Berkahwin

Sultan Muning Syah, baginda bersetuju menghantar seorang anak raja sebagai Yang Dipertuan di Negeri Sembilan. Sultan Muning Syah melantik Raja Mahmud sebagai Yang Dipertuan. Dipercayai Raja Mahmud telah pun berada di Rembau sekitar tahun 1720-an dan dikenal dengan nama Raja Rembau.

Dalam usaha membuat persiapan pertabalan Raja Mahmud, Sultan Muning Syah menghantar Raja Khatib untuk menguruskan perkara ini. Apabila tiba di Negeri Sembilan, Raja Khatib mengakui yang dia dihantar oleh Sultan Muning Syah sebagai Yang Dipertuan Negeri Sembilan. Kemudiannya, Raja Khatib berkahwin dengan anak Penghulu Naam, Hulu Muar. Raja Mahmud pula setelah mendapat watikah pelantikan, terlebih dahulu mengembara ke Palembang, Jambi, Inderagiri, Sungai Paku, Bandar Sepuluh, Inderapura, Pariaman, Aceh, Siak; terus ke Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Akhirnya, baginda bersemayam di istana Bukit Serajin. Pengembaraan Raja Mahmud disifatkan 'melewar' dan seterusnya baginda dikenal sebagai Raja Melewar.

Oleh sebab Raja Khatib telah pun mengisytiharkan dirinya sebagai Raja, berlaku pertempuran antara Raja Melewar dengan Raja Khatib. Raja Khatib dikalahkan dan Raja Melewar ditabal sebagai Yang Dipertuan di Penajis, Rembau pada tahun 1773. Sempena sembilan orang penghulu luak yang datang memberi pengiktirafan kepada baginda, Raja Melewar mengisytihar baginda menjadi pemerintah bagi Negeri Sembilan.

Raja Melewar mangkat pada tahun 1795, dan takhta kerajaan tidak digantikan oleh puteranya, Raja Totok, tetapi penghulu luak menjemput Raja Hitam dari Minangkabau menjadi Raja Negeri Sembilan. Begitu juga apabila Raja Hitam mangkat pada tahun 1808, Raja Alang Husin, puteranya, tidak dilantik sebagai pengganti, sebaliknya penghulu luak menjemput Raja Lenggang dari Minangkabau. Hanya apabila Raja Lenggang mangkat pada tahun 1824, barulah puteranya, Raja Radin, dilantik sebagai pengganti. Raja Radin mangkat pada tahun 1861, dan baginda digantikan oleh adindanya, Yamtuan Imam (1861–1869). Apabila Yamtuan Imam mangkat, berlaku perebutan kuasa antara Tunku Antah ibni Yamtuan Radin dengan Tunku Ahmad Tunggal ibni Yamtuan Imam. Perebutan kuasa ini tidak mencetuskan pertempuran antara kedua-dua belah pihak. Jawatan Yang Dipertuan tidak dipenuhi dari tahun 1869 hingga tahun 1872 sebaliknya dipangku oleh Tengku Ampuan Intan.

Sementara itu, Dato' Undang Sungai Ujong, Dato' Kelana Syed Abdul Rahman, menandatangani perjanjian dengan British pada 21 April 1874 dan mengaku berlindung di bawah kerajaan British. Mengikut adat, Dato' Kelana sebagai Waris di Darat hendaklah terlebih dahulu berunding dengan Dato' Syahbandar, Waris di Air. Persefahaman ini menyebabkan berlaku pertempuran antara kedua-dua belah pihak. Dato' Kelana yang mendapat bantuan British berjaya mengalahkan Dato' Syahbandar. Yamtuan Tunku Antah tidak menyebelahi mana-mana pihak.

British yang terlibat di Sungai Ujong mengakui tuntutan Dato' Kelana terhadap Terachi pada hal Terachi ialah Tanah Mengandung, iaitu di bawah pentadbiran

Yang Dipertuan. Penglibatan British mencetuskan tindak balas Yamtuan Tunku Antah dan pertempuran berlaku antara kedua-dua belah pihak pada tahun 1875. Dalam pertempuran ini Yamtuan Tunku Antah dikalahkan dan baginda berundur dan berlindung di Johor di bawah Maharaja Abu Bakar. Pada tahun 1876, perjanjian dibuat antara Tunku Antah dengan Penghulu Luak Johol, Inas, Jempul, Terachi, Gunung Pasir dan Hulu Muar, menerima Tunku Antah sebagai Yamtuan dan berkerajaan di Seri Menanti sahaja. British juga mengiktiraf Yamtuan Tunku Antah.

Pada bulan Ogos 1883, Jelevu menandatangani perjanjian dengan British dan seorang Residen British dihantar ke Jelevu. Perjanjian kedua-dua belah pihak ditandatangani sekali lagi pada bulan September 1886. Kali ini Jelevu berlindung di bawah kerajaan British. Pada tahun 1887, Yamtuan Tunku Antah dan Penghulu Luak Johol, Inas, Muar, Jempul, Terachi serta Gunung Pasir menandatangani perjanjian dengan British yang diwakili oleh Gabenor Sir Frederick Weld. Kedua-dua pihak berjanji akan bekerjasama antara satu sama lain. Segala hal hubungan luar hanya akan dijalankan oleh Gabenor. Selain itu, kedua-dua pihak bersetuju Tunku Besar Muhammad, putera Yamtuan Tunku Antah, sebagai pengganti Yamtuan.

Apabila Yamtuan Antah mangkat pada tahun 1888, takhta kerajaan digantikan oleh putera baginda, Tuanku Muhammad. Pada tahun 1895, Negeri Sembilan menyertai Perak, Selangor dan Pahang dalam perjanjian bergabung menjadi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Pada tahun 1898, Yang Dipertuan Besar menandatangani perjanjian dengan Empat Undang. Perjanjian ini menyatakan Undang yang Empat akan menabalkan kembali Yang Dipertuan Besar. Segala hal ehwal dalam luak dikendalikan oleh Undang sendiri. Undang tidak lagi perlu datang menghadap Yang Dipertuan selepas Hari Raya Kedua. Sekiranya Yang Dipertuan mangkat, Undang dikehendaki memilih dan melantik yang Dipertuan yang baharu. Tuanku Muhammad memerintah hingga tahun 1933. Seterusnya, takhta kerajaan digantikan oleh putera baginda, Tuanku Abdul Rahman (1933–1960). Baginda pernah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong yang pertama (1957–1960). Apabila Yang Dipertuan Besar Tuanku Abdul Rahman mangkat, takhta kerajaan digantikan oleh putera baginda, Tuanku Munawir. Tuanku Munawir mangkat pada tahun 1967, dan takhta kerajaan digantikan oleh adindanya, Tuanku Jaafar sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Baginda pernah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong Malaysia. Pada tahun 1994, baginda dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Sebelum tahun 1898, gelaran Yang Dipertuan hanya terbatas di Seri Menanti dan lebih dikenal sebagai Yamtuan Seri Menanti. Hanya selepas tahun tersebut, barulah Yamtuan Seri Menanti dikenal sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Pada tahun 1898 juga, Penghulu Luak Johor diiktiraf sebagai Undang Johol.

Terdapat Orang Besar tertentu dalam kerajaan Negeri Sembilan seperti Undang Sungai Ujong, Undang Jelevu, Undang Rembau dan Undang Johol. Undang Sungai

Ujong yang dikenal dengan panggilan Dato' Kelana Putera adalah yang terkanan sekali dalam senarai Undang tersebut. Undang Jelebu dikenal sebagai Dato' Mendelika Menteri Akhir Zaman, Undang Rembau dikenal sebagai Dato' Lela Maharaja atau Dato' Sedia Raja, dan Undang Johol dipanggil Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan. Undang ditabal dalam satu upacara khas dan disebut sebagai dikerjankan. Di samping itu, Negeri Sembilan juga mempunyai seorang pembesar yang bergelar Tengku Besar Tampin. Jawatan ini hanya boleh diwarisi oleh keturunan lelaki, Tengku Syed Abdul Hamid bin Tengku Syed Shaban. Sekiranya waris ganti tersebut berusia bawah 18 tahun, jawatan itu digantung sehinggalah waris tersebut berusia 18 tahun.

Keempat-empat Undang Luak, selain berkuasa dalam daerah masing-masing, menjadi penentu pengganti Yang Dipertuan Besar. Setelah mendapat berita kemangkatan Yang Dipertuan Besar, mereka akan bersidang bagi menentukan penggantinya. Begitu juga mereka akan hadir di Seri Menanti bagi menjalankan upacara penabalan Yang Dipertuan Besar. Apabila bakal Yang Dipertuan Besar yang akan ditabalkan hadir, Dato' Kelana Putera berdiri menyeru kepada Bentara supaya menyatakan yang keempat-empat Undang bersetuju menabalkan Yang Dipertuan Besar. Seterusnya, upacara menghadap dilakukan oleh Undang-undang dan penghulu serta pembesar lain.

Selain itu, terdapat juga Orang Besar Empat Istana dalam institusi kerajaan Negeri Sembilan. Mereka ialah Dato' Seri Amar Diraja, Dato' Raja Dewangsa, Dato' Penghulu Dagang dan Dato' Akhir Zaman. Sekiranya terdapat kerabat diraja yang hendak bertunang atau berkahwin, hendaklah terlebih dahulu memaklumkan kepada mereka. Jika terdapat anak raja yang melanggar peraturan ini, dia dikehendaki meminta maaf kepada Orang Besar Empat Istana dan 'bertabur melukut' iaitu membayar seekor kerbau, 40 gantang beras dan satu bahara emas. Selagi perkara ini tidak disempurnakan, isteri dan anak mereka tidak akan diterima masuk dalam keluarga diraja tersebut.

Apabila Yang Dipertuan Besar mangkat, istana dihiasi dengan indah dan lengkap. Sebuah pelemba sembilan tingkat disediakan untuk meletakkan jenazah almarhum. Semua alat kebesaran seperti 16 payung kuning, 16 tombak, 16 keris panjang dan 16 tunggul panji dipasang di kiri kanan halaman istana. Tiga puluh dua das tembakan meriam dilepaskan di atas Bukit Seri Indera sebagai tanda Yang Dipertuan Besar mangkat. Setelah tiba hari, semua anak raja dan pembesar hadir, Dato' Kelana Putera menyatakan yang keempat-empat Undang telah memilih (nama calon disebut) sebagai Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Kemudiannya, Yang Dipertuan Besar yang baru diisytiharkan itu dijemput naik ke atas singgahsana takhta kerajaan dan seterusnya diikuti dengan istiadat menjunjung duli oleh para pembesar mengikut giliran. Setelah upacara ini selesai barulah jenazah dimakamkan.

Selain penabalan Yang Dipertuan Besar, Tunku Ampuan Besar juga perlu dilantik. Mengikut adat Negeri Sembilan hanya isteri pertama Yang Dipertuan Besar dilantik sebagai Tunku Ampuan. Jika sekiranya isteri tersebut orang kebanyakan, dia memakai gelaran Encik Puan.

Pemilihan dan lantikan dilakukan oleh lapan Penghulu Luak dan Dato' Lembaga dari empat luak. Penghulu Tanah Mengandung terlebih dahulu meminta Orang Empat Istana calon yang layak digelar Tunku Ampuan. Setelah menyatakan isteri Yang Dipertuan Besar, Penghulu Tanah Mengandung memaklumkan perkara itu kepada Yang Dipertuan Besar untuk memohon persetujuan. Setelah Yang Dipertuan Besar bersetuju, hari pelantikan ditetapkan. Gelaran Tunku Ampuan diisytiharkan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dalam satu istiadat khas. Setelah itu Dato' Bentara menjemput para Dato' dan Orang Kaya Luak menghadap. Upacara penghulu menghadap diadakan setiap tiga tahun sekali, biasanya selepas Hari Raya Haji.

Sebagaimana raja di negeri-negeri Melayu lain, kerajaan Negeri Sembilan juga mempunyai hak dan pantang larang. Misalnya, pada suatu ketika segala kerbau yang memiliki sifat yang bercanggah dengan sifat seekor kerbau seperti bentuk badan, tanduk atau tanda di badan atau tanduk adalah hak raja. Oleh itu, rakyat yang memiliki kerbau tersebut dikehendaki menyerahkan kerbau itu kepada raja. Selain itu, terdapat lagi pantang larang lain seperti rumah, pakaian dan perhiasan. Bentuk dan hiasan tertentu rumah tidak boleh dibina oleh rakyat jelata. Misalnya rumah besar (seperti istana), rumah melebihi satu tingkat; rumah dapur dengan rumah ibu bersambung, tangga gantung di dalam rumah yang dibuat untuk naik ke tingkat atas, tangga bertingkat yang dibina di atas lantai rumah; pintu di tengah-tengah rumah, anjung rumah bertingkat (gajah menyusu), membina serambi keliling rumah dan membina pintu gerbang di pagar rumah. Begitu juga pakaian berwarna kuning hanya untuk kerabat diraja. Rakyat jelata tidak dibenarkan memakai penutup kemaluan daripada perak, serta memakai keris atau tumbuk lada yang ulunya bertatah emas dan permata.

Lambang atau Jata Negeri Sembilan mempunyai tiga warna, kuning, hitam dan merah sebagaimana warna bendera Negeri Sembilan. Jata ini berbentuk perisai dan di dalamnya terdapat sembilan tangkai padi yang melambangkan sembilan buah negeri. Dan padi pula sebagai lambang makanan dan hasil utama penduduk. Di atas perisai terdapat pedang bersilang dengan sarungnya. Di antara pedang dengan sarung bersilang terdapat mata tombak bernama Changgai Puteri. Tombak ini menjadi lambang peribadi Yang Dipertuan Besar.

Islam ialah agama rasmi Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, agama lain boleh diamalkan juga. Oleh itu, Majlis Agama Islam dibentuk bagi membantu Yang Dipertuan Besar dan Undang untuk melaksanakan perkara yang berkaitan dengan agama. Dalam menjalankan tugas dan kuasa sebagai ketua negeri Islam, Yang Dipertuan Besar dikehendaki mendapatkan persetujuan Undang.

Yang Dipertuan Besar hendaklah menjalankan tugas dan kuasa berpandukan Undang-undang Tubuh. Baginda hendaklah dipilih dan dilantik oleh keempat-empat Undang, iaitu Undang Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Johol berasaskan peruntukan adat negeri. Calon yang hendak dipilih sebagai Yang Dipertuan Besar hendaklah

lelaki Melayu, berfikiran waras, beragama Islam dan keturunan sebelah lelaki daripada Raja Radin ibni Raja Lenggang. Apabila Yang Dipertuan Besar mangkat, Undang Sungai Ujong, Jelevu, Rembau dan Johol hendaklah memilih anak lelaki almarhum. Sekiranya Undang berpendapat calon tersebut tidak layak, mereka hendaklah memilih mengikut aturan: pertama, saudara almarhum; kedua, bapa saudara sebelah lelaki almarhum; ketiga, cucu almarhum; keempat, anak saudara almarhum; dan kelima, anak bapa saudara sebelah lelaki almarhum.

Sekiranya Undang mendapati Yang Dipertuan Besar yang dipilih itu tidak layak kerana gila, buta, bisu dan memiliki sifat yang tidak dibenarkan hukum syarak sebagai Yang Dipertuan Besar atau bercanggah dengan Undang-undang Tubuh, Undang boleh menggantung tugas Yang Dipertuan Besar selama tempoh yang ditentukan oleh Undang atau menyerahkan takhta kerajaan dan melepaskan hak istimewa sebagai raja, hak, kuasa dan keistimewaan. Ketika Yang Dipertuan Besar digantung kuasa, tugas dan kuasa negeri hendaklah dilakukan oleh Pemangku Raja atau Jemaah Pemangku Raja sebaik sahaja diisytiharkan oleh Undang dan Menteri Besar. Dalam hal Yang Dipertuan Besar dilucutkan, Undang hendaklah memilih dan melantik Yang Dipertuan Besar yang baharu.

Undang Sungai Ujong, Jelevu, Rembau dan Johol hendaklah dilantik berdasarkan adat luak. Begitu dengan Tengku Besar Tampin, penggantinya hendaklah keturunan sebelah lelaki Tengku Syed Abdul Hamid ibni Tengku Syed Shaban. Sekiranya Undang atau Tengku Besar Tampin berhenti atau diberhentikan daripada jawatan berdasarkan adat tempatan, mereka boleh diberi elaun satu perempat daripada gaji bulanan. Dato' Syahbandar Sungai Ujong bertanggungjawab terhadap Waris Di Air berasaskan adat luak Sungai Ujong. Oleh itu, Dato' Kelana Putera dikehendaki berunding dengan Dato' Syahbandar dalam semua perkara berkaitan dengan luak Sungai Ujong.

Selain itu, sebuah badan bernama Dewan Keadilan dan Undang dibentuk untuk menasihati segala perkara yang berkaitan dengan adat Melayu di Negeri Sembilan atau perkara yang dirujukkan oleh baginda atau Undang. Dewan ini dianggotai oleh Yang Dipertuan Besar, keempat-empat Undang, Tengku Besar Seri Menanti, Dato' Syahbandar Sungai Ujong dan ahli yang dilantik dari semasa ke semasa oleh Yang Dipertuan Besar dan Undang.

 Hooker, M.B., 1970. *Reading in Malay Adat Laws*. Singapore: Singapore University Press. Abdul Samad Idris, t.t. *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Bhd., Budaya Negeri: Berita Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan Darul Khusus, Bil. 1/91, Januari 1991; Bil. 10/93, April 1993; Bil. 11, 12/93, Julai, Oktober 1993; Bil. 13/94, Januari 1994; Bil. 14/94, Oktober 1994; Bil. 15/95, Januari 1995. *The First Part of the Laws of the Constitution of Negeri Sembilan 1948, 1958*. Kuala Lumpur: The Government Press.